



JOHAN dodgeball lelaki merakamkan kenangan.

FPL adakan kejohanan badminton dan dodgeball

Oleh **ABD NADDIN HJ. SHAIDDIN**

UB 29.3.2018 All

SANDAKAN: Kejohanan Badminton dan Dodgeball Fakulti Pertanian Lestari (FPL) 2018 telah dilaksanakan bermula pada 16 Mac jam 7.30 malam dan berakhir pada 18 Mac jam 5.30 petang.

Kejohanan kali ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar dan staf FPL dengan penyertaan melibatkan kira-kira 150 pelajar dan staf.

Pengenalan sukan dodgeball dalam kalangan pelajar tahun satu memperlihatkan

penyertaan yang menggalakkan. Sukan itu mirip sukan rakyat bola beracun.

Selain itu, sukan badminton yang diadakan terbuka kepada semua pelajar tanpa mengira tahap kemahiran, memberi ruang dan peluang kepada pelajar mengasah bakat masing-masing melalui acara itu.

Secara keseluruhan, kejohanan kali ini berlangsung dengan jayanya. Acara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar FPL Roslan Haji Gimba pada jam 5.30 petang di hari terakhir kejohanan.